

23 JANUARI 2018

## Polis, tentera, jururawat positif dadah

**Kuala Lumpur**

### Polis, tentera, jururawat positif dadah

Anjur pesta dadah di pusat hiburan lima bintang. Itu aktiviti 54 pengunjung sebuah pusat hiburan terkenal termasuk empat anggota polis yang turut didapati positif syabu.

Dalam operasi bermula jam 3 pagi kelmarin, sepasukan anggota Pasukan Khas Taktikal Perisikan Narkotik (STING), Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik (JSJN) serta Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman menyerbu sebuah pusat hiburan di Jalan Doraisamy di sini.

Serbuhan yang berakhir lima jam kemudian itu turut menahan 16 anggota polis termasuk dua anggota

polis bantuan di premis berkenaan.

Sumber berkata, tujuh penjawat awam ditahan kerana positif dadah membabit empat anggota polis, anggota Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), jururawat dan pembantu tadbir.

“Bagaimanapun, 16 anggota polis itu dibebaskan selepas ujian air kencing mendapati mereka negatif dadah.

“Kami memeriksa 505 pengunjung termasuk pekerja. Hasil saringan awal ujian air kencing mendapati 54 pengunjung berusia 18 hingga 50 tahun positif dadah.

“Semua yang ditahan

berusia 20-an hingga 40-an dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wang,” katanya.

Menurutnya, selain penjawat awam, polis turut menahan dua gadis bawah umur berusia 17 tahun dan kedua-duanya positif dadah.

“Kami turut merampas 20 pil Ecstasy seberat 7.06 gram bernilai RM800.

Beliau berkata, polis tidak menolak kemungkinan kebanyakan penagih mengambil minuman bercampur dadah susulan rampasan sebelum ini membabitkan pelbagai paket minuman buah-buahan bercampur ecstasy dan syabu.